

KHUTBAH JUMAAT

"RAMADAN DIRINDUI, SYAWAL DISYUKURI"

(5 April 2024M/ 25 Ramadan 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ ذِي الْفَضْلِ وَالْإِنْعَامِ، فَضَّلَ شَهْرَ رَمَضَانَ عَلَيَّ
غَيْرِهِ مِنْ شُهُورِ الْعَامِ، خَصَّهُ بِمَزِيدٍ مِنَ الْفَضْلِ وَالْكَرَمِ وَالْإِنْعَامِ. أَشْهَدُ
أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Iman dan takwa, menyinari hati umpama pelita, menyemarakkan kebaikan dalam diri, memimpin insan ke jalan yang mulia, menghakis sifat yang tercela, menyuburkan kasih dan cinta, ke arah kesejahteraan dunia dan akhirat.

Justeru, marilah kita bersama-sama meningkatkan keimanan dan ketakwaan, dengan menunaikan segala perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan menjauhi semua tegahan. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, menjadi contoh dan ikutan insan yang lain.

Jagalah adab Solat Jumaat, usahlah bercakap-cakap dan bermain

telefon bimbit serta berilah perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Mudah-mudahan kita mendapat panduan dan ganjaran pahala yang sempurna.

Sedar tidak sedar, Ramadan hampir melabuhkan tirainya dan syawal menjelang tiba. Sehubungan dengan itu, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk '***Ramadan Dirindui, Syawal Disyukuri***'.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebagai mukmin sejati, apabila menyedari akhir Ramadan semakin mendekati, pasti akan terasa hiba dan sedih di hati, apatah lagi belum tahu sama ada tahun depan masihkah sempat untuk bertemu dengan Ramadan sekali lagi.

Oleh itu, tingkatkan amal ibadah, tunaikan solat fardu berjemaah, perbanyakkan solat sunat, teruskan bertadarus dan bersedekah, eratkan ukhuwwah meskipun dalam kesibukan membuat persiapan menjelang Aidilfitri yang penuh barakah.

Bagi yang belum membayar zakat fitrah, tunaikanlah segera. Semoga zakat yang ditunaikan itu dapat membersihkan harta dan menggembirakan asnaf dalam merayakan Aidilfitri.

Sesungguhnya, bulan Ramadan adalah bulan untuk kita bermuhasabah, melihat dan menilai kembali diri kita. Dengan demikian, dapatlah diukur tahap pencapaian kita sama ada daripada aspek ibadah, akhlak, keimanan dan ketakwaan. Ibadah puasa bermakna apabila menghasilkan takwa dalam diri seseorang insan.

Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Baqarah, ayat 183:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ (١٨٣)

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.*

Demi memastikan tarbiah Ramadan dapat memberi kesan positif, maka kita perlu memahami bahawa segala ibadah dan amalan-amalan kebaikan yang dilakukan pada bulan Ramadan merupakan tanggungjawab kita sebagai hamba Allah *subhanahu wata'ala*, bukannya semata-mata kerana bulan tertentu. Dengan itu, segala amalan baik yang telah dilakukan sepanjang Ramadan dapat kita teruskan pada bulan-bulan yang lain.

Maka, amat beruntunglah orang yang soleh kerana mereka akan memastikan apa yang dibina sepanjang Ramadan akan dipertahankan. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((الصَّلَاةُ الْخَمْسُ وَالْجُمُعَةُ إِلَى الْجُمُعَةِ وَرَمَضَانُ إِلَى رَمَضَانَ
مُكْفَرَاتٌ مَا بَيْنَهُنَّ إِذَا اجْتَنَبَ الْكَبَائِرَ))

Maksudnya: *Solat fardu lima waktu, solat Jumaat ke Jumaat berikutnya, Ramadan ke Ramadan berikutnya adalah penghapus dosa yang dilakukan antara keduanya, selagi mana dia menjauhi dosa-dosa besar.*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Sesungguhnya, Ramadan pasti akan kembali pada tahun-tahun yang akan datang. Namun, tiada jaminan kita masih berpeluang untuk bertemu dengannya lagi. Oleh itu, jadikan didikan Ramadan sebagai penyuntik semangat ke arah perubahan akhlak dan tingkah laku yang mulia. Kadangkala tanpa disedari kita telah melakukan dosa kepada Allah *subhanahu wata'ala* terutama di zaman maklumat di hujung jari ini, kita begitu mudah melakukan perbuatan yang mengundang dosa di media-media sosial.

Marilah kita berdoa agar Allah *subhanahu wata'ala* menerima segala amal ibadah dan kebaikan yang kita lakukan, mengampunkan segala dosa dan memberikan peluang mencipta perubahan untuk menjadi hamba-hamba-Nya yang taat melaksanakan amal soleh dengan penuh keikhlasan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, atas segala nikmat-Nya yang baik kepada kita, jika diberi kesempatan umur, kita akan menyambut Aidilfitri pada minggu hadapan selaras dengan perisytiharan yang akan disampaikan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja. Sebagaimana dimaklumi, Malaysia menggunakan kaedah Rukyah (melihat anak bulan) dan Hisab dalam menentukan awal bulan hijri termasuklah tarikh awal

puasa, Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha. Kaedah ini adalah selaras dengan kehendak syarak dan mengikut kaedah ilmu falak dan astronomi yang telah dipersetujui oleh semua negeri dalam Malaysia.

Ketibaan Syawal sememangnya amat dinanti-nantikan oleh seluruh umat Islam bagi merayakan Aidilfitri. Aidilfitri adalah hari untuk kita bergembira dan bersyukur atas kurniaan Allah *subhanahu wata'ala* sehingga kita berjaya mentaati perintah dan tegahan-Nya, serta mengawal dan mendidik nafsu, terutamanya melalui ibadah puasa di bulan Ramadan. Kerana itulah kita disunatkan untuk menghiasi Aidilfitri nanti dengan takbir, tahlil, tahmid dan tasbih agar subur hati kita dengan rasa kesyukuran kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Baqarah, ayat 185:

... وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْنَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya: ... *Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur.*

Dalam keriangannya menyambut Aidilfitri, khatib ingin mengingatkan agar berhemah dalam berbelanja bagi membuat persiapan menyambut perayaan. Kesederhanaan sangatlah dituntut untuk diamalkan. Belilah mengikut keperluan dan tahap kewangan yang kita miliki.

Di musim perayaan ini juga, sudah semestinya ramai dalam kalangan kita yang mengambil peluang untuk pulang ke kampung halaman bagi merayakan Aidilfitri bersama ibu bapa, keluarga dan sanak-saudara. Khatib ingin mengingatkan kepada para jemaah yang akan bermusafir, sentiasalah mengamalkan adab dan akhlak yang mulia di jalan raya, berhati-hati, berhemah dan bertoleransi dengan pengguna jalan raya yang lain. Sebelum memulakan perjalanan, selenggara kenderaan kita dan pastikan ia berada dalam keadaan yang baik.

Di samping itu, pastikan rumah kediaman ditinggalkan dalam keadaan selamat untuk mengelakkan daripada berlakunya kejadian-kejadian yang tidak diingini. Marilah kita bertawakal dan berdoa kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar dikurniakan kesejahteraan, keselamatan dan pemeliharaan daripada musibah supaya Aidilfitri dapat diraikan dengan penuh kesyukuran dan kebahagiaan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Akhirnya, di penghujung khutbah ini, izinkan khatib merumuskan beberapa pengajaran penting dari khutbah yang disampaikan.

Pertama : Ramadan bukan penamat kepada momentum ibadah kita bahkan sebagai langkah permulaan penyucian jiwa dan rohani untuk berubah kepada yang lebih baik.

Kedua : Sentiasa berhati-hati dalam perjalanan dan mohonlah perlindungan kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar sentiasa diberi perlindungan dan keselamatan.

Ketiga : Penetapan tarikh hari raya yang diamalkan di negara kita bertepatan dengan kaedah yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*.

Keempat : Zakat fitrah adalah kewajipan yang perlu ditunaikan mengikut jumlah dan masa yang ditetapkan.

Marilah sama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah az-Zumar, ayat 73 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَسِيقَ الَّذِينَ اتَّقَوْا رَبَّهُمْ إِلَى الْجَنَّةِ زُمَرًا حَتَّى إِذَا جَاءُوهَا وَفُتِحَتْ أَبْوَابُهَا
وَقَالَ لَهُمْ خَزَنَتُهَا سَلَامٌ عَلَيْكُمْ طِبْتُمْ فَادْخُلُوهَا خَالِدِينَ (٧٣)

Maksudnya : *Dan orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka akan dibawa ke Syurga dengan berpasuk-pasukan, sehingga apabila mereka sampai ke Syurga yang pintu-pintunya sedia terbuka dan penjaga-penjaganya mengalu-alukan mereka dengan kata-kata: "Salam sejahtera kepada kamu, berbahagialah kamu, maka silalah masuk ke dalam Syurga ini dengan keadaan tinggal kekal di dalamnya" (mereka pun masuk) -*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Berdasarkan keadaan cuaca yang tidak menentu, khatib ingin mengingatkan pada jemaah sekalian, agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya bencana di tempat masing-masing. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Pada masa yang sama, teruskanlah mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan berbuka dan bersahur adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami dari gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

Ya Allah, kurniakanlah kepada kami kekuatan untuk mengejar segala kebaikan yang telah Engkau sediakan dalam bulan Ramadan Al-Mubarak ini. Jauhkanlah diri kami daripada godaan nafsu yang akan merosakkan proses peribadatan dan perhambaan kami kepada-Mu sepanjang bulan yang agung ini, Ya Allah.

رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا صَلَاتَنَا وَصِيَامَنَا وَقِيَامَنَا وَتَخَشُّعَنَا وَتَضَرُّعَنَا وَتَعَبُّدَنَا وَتَمِّمْ تَقْصِيرَنَا، يَا اللَّهُ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. رَبَّنَا أُنِّتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.